


Jilid II
Bil. 38



Hari Rabu
27hb Oktober, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4173]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 4199]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 4200]

Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 4202]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD.
ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI
GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN
WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, **TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, **TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).**
- „ Setiausaha parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, **TAN SRI DATUK SYED NASIR⁷ BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).**
- „ **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).**
- „ **TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).**
- „ **DATUK PATINGGI HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).**
- „ **TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).**
- „ **PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).**
- „ **TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).**
- „ **PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).**
- „ **TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).**
- „ **TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).**
- „ **TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).**
- „ **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- „ **TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).**
- „ **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).**
- „ **TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).**
- „ **DR CHEN MAN HIN (Seremban).**
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).**
- „ **TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).**
- „ **TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).**

Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- .. TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- .. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- .. TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- .. TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- .. DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- .. TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- .. DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- .. TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- .. TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- .. TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 27hb Oktober, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAPURAN GAJI IBRAHIM ALI

1. Tuan Leo Moggie anak Iroke (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada benar bahawa sebab-sebab Kerajaan tidak melaksanakan Lapuran Tanggagaji Ibrahim Ali pada masa sekarang kerana dalam lapuran tersebut melibatkan kenaikan gaji kepada seorang Ketua Setia-usaha Negara dari \$4,000 kepada \$8,500 sebulan.

Timbalan Perdana Menteri (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Lapuran Gaji Ibrahim Ali yang diper-timbangkan sekarang ialah yang kedua (Revised Report) yang disediakan oleh Suruhanjaya Di Raja tersebut. Angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak terdapat dalam Lapuran yang kedua ini. Oleh itu, angka-angka ini tidak menjadi sebab kerana Kerajaan tidak melaksanakan Lapuran Ibrahim Ali Yang Kedua ini.

PAKAR PERUNDING DAPATKAN KONTREK PETRONAS

2. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menamakan pakar-pakar perunding antarabangsa yang telah menawar untuk mendapatkan kontrek PETRONAS untuk merancang satu pelan induk untuk kemajuan perusahaan-perusahaan yang berkait dengan minyak dan gas di Malaysia; sebab-sebab kontrek tersebut diberi kepada C. Itoh dari Negeri Jepun, syarat-syarat rujukan pengkajian pelan induk tersebut; dan samada

beliau sedar kepentingan-kepentingan tertentu (vested interests) pihak C. Itoh dan sekutu-sekutunya di dalam perusahaan minyak khususnya di perusahaan-perusahaan bekalan dan "downstream" mungkin akan pengaruhi formulasi pelan induk tersebut pada hal apa yang dikehendaki oleh Malaysia ialah satu pengkajian bebas yang dibuat berpandu kepada kepentingan-kepentingan kebangsaan Malaysia.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, pihak PETRONAS telah menjemput 22 buah syarikat pakar perunding antarabangsa untuk membuat tawaran merancang satu pelan induk untuk perusahaan minyak dan gas di Malaysia. Hanya 12 buah syarikat sahaja yang telah menghantar tawaran untuk rancangan tersebut dan syarikat-syarikat itu adalah seperti berikut:

1. C. Itoh/Japan Oil Engineering/Japan Gasoline Company/Japan Management Consultants.
2. Snamprogetti-et al.
3. Kellogg/Gaffney Cline & Associates.
4. Nissho-Iwai/Bechtel/Core Laboratories & Standard Research Institute.
5. King-Wilkinson-et al.
6. Pacific Procon/Keplinger.
7. Cremer & Warner/Coopers & Lybrand/Secondary Recovery Services/Petroleum Economics.
8. Williams Brothers/Rebertson Research.
9. K.P.M. Khidmat/Chiyoda/Economic Intelligence Unit.
10. Purvin & Gertz/Degoyler & Mac Naughton.
11. Klockner/Kico Consulting/Chemical Engineering Developments.
12. Pace Consultants/British Sulphur/Ryder Scott/Winn Associates.

Tawaran-tawaran dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat tersebut telah dikaji oleh sebuah Jawatankuasa Kerajaan dan Jawatankuasa ini telah membuat penilaian yang teliti ke atas kesemua cadangan-cadangan itu. Hasil dari penilaian itu, Jawatankuasa tersebut telah menyediakan satu laporan mengandungi syor-syor yang berdasarkan kepada beberapa faktor seperti perbelanjaan, kelengkapan (adequacy), jangka masa untuk menyiapkan pelan induk itu, kaki-tangan, penyertaan syarikat tempatan dan lain-lain faktor lagi. Berdasarkan kepada penilaian dan syor yang dibuat mengikut faktor-faktor yang tersebut, PETRONAS telah memilih C. Itoh, sebuah syarikat pakar perunding daripada Negeri Jepun untuk menyediakan pelan induk itu.

Saya suka juga menyatakan di sini bahawa Kerajaan Jepun telah dengan murah hati menawarkan bantuan teknikal untuk menyediakan sebahagian daripada pelan itu.

Syarat-syarat rujukan (terms of reference) pengkajian pelan induk itu ialah bertujuan untuk membantu PETRONAS dalam kerja-kerja:

- (a) menyediakan satu rancangan pelaburan jangka pendek dan jangka panjang untuk memajukan petrolium dan bahan-bahan gas asli; dan
- (b) menyedia dan menjalankan dasar dan strategi yang sesuai bagi memajukan dengan sebaik-baiknya sumber minyak dan gas asli demi memenuhi keperluan negara selaras dengan objektif Kerajaan hendak menjamin bahawa bekalan minyak dan keluaran-keluaran minyak serta petrokimia di negara ini adalah mencukupi.

Saya sedar bahawa C. Itoh, sebagai sebuah syarikat antarabangsa, mungkin ada kepentingan yang lain sebagaimana syarikat-syarikat antarabangsa yang lain juga. Walau bagaimanapun, saya yakin langkah-langkah yang sesuai telah diambil untuk menentukan supaya cara-cara syarat rujukan (terms of reference) dan bidang kerja (scope of work) yang telah disediakan, bagi kajian pelan induk itu, dijalankan dengan berpanduan kepada kepentingan negara.

Perjanjian mengenai pelan induk membolehkan PETRONAS menyertai dan mengambil bahagian dalam segala peringkat kajian pelan induk itu. PETRONAS boleh

mengawasi, membuat teguran dan ulasan atas apa-apa cadangan sebelum laporan pelan induk itu dikemukakan. Langkah-langkah ini akan menjamin bahawa formulasi pelan induk itu adalah selaras dengan polisi Kerajaan dan kepentingan negara akan terpelihara.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah PETRONAS mempunyai pakar-pakar dalam lapangan gas dan minyak yang ada kelayakan boleh mengawasi pelan induk ini, menentukan bahawa pelan induk ini yang dijalankan oleh C. Itoh ada dijalankan mengikut terms of reference, dan sekiranya ada, berapa orangkah pakar-pakar yang kita sendiri ada?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui Petronas ini adalah Badan yang baharu. Sungguhpun demikian, Badan ini telah beransur-ansur mengadakan pegawai-pegawai dan anggota-anggotanya dan latihan-latihan yang khusus telah diadakan serta orang-orang kita telah dihantarkan keluar negeri bagi mempelajari dengan lebih mendalam lagi berkenaan dengan masalah-masalah petrolium ini. Sungguhpun demikian, kita mengetahui setakat ini tidak boleh dikatakan kita ini mencukupi dengan sepenuhnya anggota-anggota yang dikatakan pakar-pakar itu, kita tentu akan berikhtiar meminta bantuan daripada badan-badan yang lain yang boleh membantu kita bagi memberi pandangan-pandangannya bersama-sama dengan kita bila pelan induk ini dirancangan dan dikajikan.

ISTANA BARU D.Y.M.M. SERI PADUKA YANG DI-PERTUAN AGONG

3. Tuan Abu Bakar bin Arshad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan akan meneruskan rancangan membina sebuah istana bagi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sesuai dengan kedudukan Baginda sebagai Kepala Negara Malaysia yang berdaulat dan merdeka;
- (b) mengapakah rancangan yang telah diputuskan dalam tahun 1961 itu ditangguhkan; dan

- (c) berapakah besar peruntukan bagi pembinaan istana yang tersebut itu di mana akan menjadi salah sebuah bangunan yang boleh dibanggakan bukan sahaja di Kuala Lumpur bahkan di seluruh negara sesuai dengan taraf kedaulatan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Menteri Tak Berpottfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya memang ada rancangan tetapi belum muktamad, untuk membina sebuah istana baru bagi D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada masa ini belumlah dapat ditentukan bilakah rancangan pembinaan istana baru itu akan dimulakan.
- (b) Soal penanguhan sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak timbul oleh kerana tidak ada rancangan yang muktamad bahawa istana baru D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan mula dibina dalam tahun 1961. Walau bagaimanapun, dalam tahun 1962 sebidang tapak tanah telah dikesampingkan untuk rancangan pembinaan sebuah istana baru pada masa yang akan datang.
- (c) Oleh kerana belum ada keputusan yang muktamad diambil bersangkutan dengan perkara ini, saya tidaklah dapat memberitahu tentang perbelanjaan yang akan diperlukan bagi pembinaan sebuah istana baru yang tersebut.

PEGAWAI-PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

4. **Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Perdana Menteri samada beliau sedar sebahagian pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Kerajaan mempunyai pandangan yang sangat perkauman. Jika sedar, samada beliau akan siasat mengenai perkara ini yang mana perbuatan ini boleh mengancam keselamatan negara kita.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bertambah pula soalnya itu adalah terlalu umum. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat mengetahui kes-kes specific, saya sedia menyiasatnya.

Saya suka menegaskan bahawa adalah menjadi kewajipan setiap pegawai Kerajaan untuk memberi pertimbangan yang adil, saksama dan tidak berbelah-bagi dalam menyempurnakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersetuju dengan pandangan saya iaitu semua pegawai-pegawai Kerajaan mesti ada pandangan dan mesti menjalankan tugasnya tanpa pengiraan kaum dan ugama—race, colour or creed.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini tidak payah, Yang Amat Berhormat sudah terangkan tadi.

Dr Tan Chee Khoon: Ini berlainan sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Lain, kalau lain keluar daripada soalan pertama, soalan pertama sedar tidak sedar, Yang Amat Berhormat telah menjawab tidak sedar, habislah cerita.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas semua pegawai-pegawai Kerajaan mesti menjalankan tugasnya dan mengambil keputusan tanpa mengira kaum dan ugama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu telah termasuk dalam jawapan tadi.

YUNIT PERANCANG EKONOMI/BAHAGIAN EKONOMI, PERBENDAHARAAN/BAHAGIAN EKONOMI, BANK NEGARA—PENYELARASAN

5. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk “decentralize” ketiga-tiga agensi Kerajaan seperti:

- | | |
|---------------------------------------|---|
| (i) Yunit Perancang (E.P.U.) | membuat planning mengenai dasar-dasar ekonomi negara di samping menolong Kerajaan-kerajaan Negeri mengadakan projek pembangunannya; |
| (ii) Bahagian Ekonomi, Perbendaharaan | mengadakan peruntukan tambahan bagi projek kecil dan projek jangka pendek; dan |

- (iii) Bahagian Ekonomi, Bank Negara menyediakan report yang comprehensive dengan kerjasama agensi-agensi lain supaya dapat memberi penerangan yang jelas kepada negara dan pelabur-pelabur mengenai penanaman modal di negeri ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Bahagian Perancangan Ekonomi dalam Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ekonomi Perbendaharaan dan Bahagian Ekonomi Bank Negara mempunyai tugas-tugas yang tertentu masing-masing dan memainkan peranan yang berlainan dalam konteks ekonomi Kerajaan seluruhnya.

Bahagian Perancang Ekonomi sebenarnya melaksanakan tugas-tugas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam soalan beliau iaitu menumpukan perhatian ke atas dasar-dasar pembangunan negara bagi jangka-masa sederhana dan jangka-masa panjang. Bahagian ini juga bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dalam menentukan projek-projek dan program-program yang diperlukan dalam pelaksanaan dasar-dasar ini seperti yang mana diluluskan oleh Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping itu pula Bahagian ini sedang dan akan mengambil langkah-langkah tertentu untuk membolehkan negeri-negeri yang kurang maju melaksanakan program-program pembangunan dengan lebih berkesan lagi.

Sebaliknya Bahagian Ekonomi Perbendaharaan adalah bertanggungjawab membuat analisa dan rancangan ekonomi dan kewangan tahunan dan juga untuk belanjawan tahunan. Bahagian ini tidak ada kaitan dengan pemberian peruntukan bagi projek-projek.

Bahagian Ekonomi Bank Negara pula membuat analisa dan kajian dan prospek ekonomi negara dan antarabangsa. Bahagian itu juga merangka dasar-dasar kewangannya serta memberi nasihat mengenai dasar itu kepada Kerajaan apabila diperlukan.

Memandangkan kepada kedudukan ini, Kerajaan pada masa ini tidak ada cadangan untuk menyusun semula Bahagian-bahagian tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan memang sentiasa meneliti perjalanan jentera dan di mana didapati menasabah dan berfaedah, jentera itu boleh diubahsuai.

BAHAGIAN DASAR, JABATAN PERDANA MENTERI

6. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri memberi nama pegawai-pegawai tinggi dalam Bahagian Dasar di Jabatan Perdana Menteri dan nyatakan tugas-tugas Bahagian Dasar itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, nama-nama pegawai tinggi dalam Bahagian Dasar di Jabatan Perdana Menteri adalah seperti berikut:

Encik Mokhtar bin Yaacob	Timbalan Setiausaha Bahagian
Encik Nik Ibrahim bin Nik Mahmood	Ketua Penolong Setiausaha
Encik Malek bin Murad	Ketua Penolong Setiausaha
Encik Rosli bin Ibrahim	Ketua Penolong Setiausaha

Tugas-tugas utama Bahagian Dasar adalah seperti berikut:

- (i) *menentukan keutamaan penyelidikan* untuk mengkaji dan memperakukan dasar baru atau mengubahsuai dasar yang ada mengenai masalah-masalah ekonomi dan sosial;
- (ii) *menyelaraskan penyelidikan* di antara Kementerian, Jabatan, Agensi Kerajaan dan Swasta untuk mendapatkan formula penentuan dasar utama;
- (iii) *mendapatkan maklumbalas* daripada kursus-kursus, seminar-seminar untuk dikaji dan disarankan;
- (iv) *menggerakkan aktiviti-aktiviti* ke arah kemajuan dasar ekonomi, sosial dan pembangunan mental dan fizikal rakyat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar nama-nama yang disebutkan oleh beliau tadi ialah semuanya terdiri dari kaum bumiputra, dan oleh sebab Bahagian Dasar ini terlampau penting, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menambah pegawai yang bukan bumiputra ke Bahagian ini supaya kita boleh memberikan multi-racial character ke Bahagian ini.

Perdana Menteri: Akan dipertimbangkan.

PETRONAS—PERJANJIAN PEMBAHAGIAN PENGELUARAN

7. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) beberapa buah syarikat minyak telah menandatangani perjanjian-perjanjian pembahagian pengeluaran dengan PETRONAS; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang meminda Akta Kemajuan Petroliaam untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan ini telah saya jawab di Dewan ini pada hari Isnin lalu, 25hb Oktober, 1976 dan saya tidak bercadang menambah dari apa yang telah saya nyatakan dalam jawapan itu.
- (b) Mengenai bahagian (b) saya suka memaklum kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekarang ini sedang mengkaji Akta Kemajuan Petroliaam tersebut. Kerajaan akan menimbangkan syor-syor yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Kabinet ini bagi menarik lebih banyak lagi pelaburan asing ke negara kita ini.

JAWATANKUASA KAJIAN SEMULA HARGA/MAJLIS PENASIHAT PELINDUNG PENGGUNA-PENGGUNA KEBANGSAAN

8. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan keadaan inflasi dan kenaikan harga barang keperluan yang melambung tinggi samada Kerajaan akan menyemak semula Jawatankuasa Kajian Harga-harga (Price Review Committee) dan Majlis Penasihat Negara bagi Perlindungan Pengguna-Pengguna (National Advisory Council for Consumers Protection) untuk mencari jalan bagi mengawal harga barang-barang keperluan harian di mana Dewan Perniagaan dilantik sama duduk dalam badan-badan ini. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perda-

gangan dan Perindustrian tidak bercadang hendak menyemak semula Jawatankuasa Kajian Semula Harga (Price Review Committee) dan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-Pengguna Kebangsaan (National Advisory Council For Consumers Protection) oleh kerana segala usaha-usaha yang dijalankan oleh kedua-dua badan tersebut, setakat ini dalam mengawasi kenaikan harga barang-barang keperluan adalah memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keadaan inflasi atau kenaikan harga barang-barang keperluan telah mulai reda sejak tahun 1975. Ini boleh dilihat dari kadar kenaikan harga barang-barang pengguna dalam tahun 1975 sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh Angka Tunjuk Harga Pengguna yang telah naik hanya sebanyak 4.5% sahaja berbanding dengan 17.4% di dalam tahun 1974. Bagi bahan-bahan makanan kedudukannya adalah lebih menggalakkan dengan kenaikan sebanyak 3.3% sahaja jika dibandingkan dengan kenaikan sebanyak 26.7% di dalam tahun 1974. Keadaan harga tersebut telah menjadi bertambah baik di dalam tahun 1976 di mana kadar kenaikannya bagi jangka masa tujuh bulan pertama 1976 (Januari-Julai 1976) adalah hanya sebanyak 2.1% sahaja berbanding dengan kenaikan sebanyak 6.3% bagi jangkamasa yang sama di dalam tahun 1975. Bagi bahan-bahan makanan pula kenaikannya adalah lebih rendah iaitu sebanyak 1.2% bagi jangkamasa tersebut berbanding dengan 6.8% bagi jangkamasa yang sama di dalam tahun 1975.

Mengenai keahlian badan-badan tersebut sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak bercadang membuat apa-apa penyemakan oleh kerana ahli-ahli yang dilantik ke dalam kedua-dua badan tersebut pada masa ini adalah meliputi semua pihak-pihak yang berkenaan termasuk wakil-wakil dari Persatuan Pengguna-pengguna. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya saya ingin memaklumkan bahawa hanya Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan sahaja yang mempunyai ahli daripada Dewan Perniagaan. Bagi Jawatankuasa Kajian Semula Harga-harga, Kementerian ini berpendapat adalah tidak wajar bagi wakil dari Dewan Perniagaan menyertainya oleh kerana Dewan Perniagaan adalah suatu pertubuhan swasta yang merupakan suatu pihak yang berminat

(interested party) yang melibatkan diri secara lansung dengan masalah-masalah kenaikan harga dan mungkin mengambil kesempatan di atas keputusan-keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa tersebut.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyatakan kerja kedua-dua badan yang disebutkan tadi memuaskan. Saya hendak bertanya kepada beliau berapa kali Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telah bermesyuarat pada tahun ini dan adakah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berhubung dengan Majlis tersebut sebelum harga minyak dinaikan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan pada masa sekarang ini boleh dikatakan aktif dalam menimbang berbagai-bagai masalah yang berhubungan dengan pelindung pengguna-pengguna dari segi harga barang-barang. Dan samada Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan ini diberitahu atau diminta pandangan apabila sesuatu kenaikan harga barang-barang itu hendak dilakukan. Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam Jawatankuasa Price Review Committee ada wakil seramai empat orang, wakil daripada National Advisory Council for Consumers Protection yang duduk di dalam Jawatankuasa Price Review Committee ini. Jadi, oleh kerana mereka ada di situ sudah semestinya mereka telah pun memberi pandangan-pandangan daripada council itu sendiri di atas sebarang masalah kenaikan harga barang-barang yang sedang dipertimbangkan oleh Price Review Committee.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Malangnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tidak menjawab soalan saya tadi. Soalan saya ialah berapa kali Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telah bermesyuarat pada tahun ini. Beliau mengatakan kerja Majlis tersebut memuaskan, tetapi pada tahun ini Majlis ini langsung tidak bermesyuarat macam mana dikatakan kerjanya memuaskan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi Badan ini

cukup aktif pada tahun ini, dan saya terlupa tadi hendak sebut berapa kali dia mesyuarat. Sebenarnya, setakat ini dalam tahun ini sahaja telah lima kali Jawatankuasa ini bermesyuarat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Beliau itu hendak tahu berapa kali sahaja sudah sebut berapa kali puaslah hatinya.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Saya pun terlupa tadi bila saya sebutkan aktif terlupa memberitahu berapa kali, sebenarnya lima kali.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan merasa terperanjat kalau saya sebagai seorang Ahli Majlis Kebangsaan Perlindungan Pengguna-pengguna itu menyatakan rasa tidak puas hati tentang tindakan ataupun usaha yang dijalankan oleh Majlis itu dan juga menyoalkan samada angka lima yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat itu benar atau tidak?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Kalau Ahli Yang Berhormat itu merasa terperanjat atau tidak puas hati, saya tidak hiranlah (*Ketawa*) kerana apa yang saya tahu Ahli Yang Berhormat sendiri duduk di dalam Jawatankuasa Perlindungan Pengguna-pengguna ini dan juga terlibat langsung dengan Persatuan Pengguna-pengguna. Jadi, jikalau dibandingkan dengan Ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas sudah tentu mempunyai peluang yang lebih luas lagi untuk mengemukakan segala masalah yang berhubung dengan para pengguna kepada Majlis atau Jawatankuasa Penasihat Pengguna-pengguna ini. Kalau hendak dinyatakan di dalam Dewan ini rasa tidak puas hati itu dapat disalurkan kepada Majlis itu segala rasa tidak puas hati itu akan diambil tindakan sewajarnya oleh Kementerian ini. Mengenai masalah lima kali mesyuarat seperti yang saya sebutkan tadi, sebenarnya selain daripada Majlis yang besar itu ada juga beberapa buah panel dan panel-panel inilah yang sedang giat bermesyuarat dan salah satu panel yang ada itu pengerusinya adalah Yang Berhormat itu sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panel itulah yang tak giat? (*Ketawa*).

Datuk Mohamed bin Rahmat: Yang lebih giat sekali panel

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Saya fikir jelas bahawa semuanya lima kali akan tetapi yang telah diadakan bukan mesyuarat Majlis tetapi panel-panelnya itu barangkali lebih terang. Tetapi barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri samada sedar atau tidak bahawa yang disungutkan ialah bukan kerana tak bekerja akan tetapi kerana tak cukup perbelanjaan dan kakitangan yang disediakan oleh pihak Kerajaan supaya membolehkan Majlis itu bekerja dengan lebih berkesan, lebih banyak peruntukan wang, lebih banyak kakitangan supaya dapat dijalankan kerja. Setakat ini tak cukup kakitangan, tak cukup peruntukan wang untuk menjalankan kerja dengan betul-betul.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tetapi itu bukan soalan tambahan?

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Itu samada Yang Berhormat sedar atau tidak, tidak puas hati itu bukan kerana tak bekerja bahkan mereka cuba seberapa dapat akan tetapi kerana Kerajaan tidak memperuntukkan cukup wang dan tidak cukup kakitangan untuk membolehkan Majlis itu dan juga yunit atau bahagian itu menjalankan kerjanya dengan sempurna.

PONTENG SEKOLAH

9. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar:

- (a) bahawa kejadian ponteng sekolah sekarang sedang menjadi-jadi dan sudahkah Kerajaan menyiasat mengapa kejadian seperti ini menjadi-jadi;
- (b) sepanjang pengetahuan Kerajaan, negeri manakah yang terok sekali kejadian ini berlaku dan kanak-kanak sekolah bangsa apakah yang banyak sekali berlaku; dan
- (c) apa cara yang baik bagi mengelakkan kejadian yang berlaku ini berlarutan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang sungutan bahawa kejadian ponteng sekolah sedang menjadi-jadi. Yang Amat

Berhormat telah mengarah supaya siasatan diadakan dan lapuran disampaikan kepada beliau.

Melalui Kajian Keciciran seluruh negara, adalah didapati bahawa di antara sebab-sebab mengapa kejadian ponteng ini berlaku ialah:

- (i) Lemah dorongan atau stimulasi pendidikan dan kehendak kepada kepuasan segera.
- (ii) Pengaruh rakan sebaya.
- (iii) Tarikan dan pengaruh di bandar-bandar.
- (iv) Tanggapan sendiri terhadap kurang pencapaian.
- (v) Sebagai satu jalan mengelakkan perkara yang memalukan (seperti gagal membuat kerja rumah, tidak berupaya membayar yuran-yuran sekolah).

(b) Setakat ini Kementerian Pelajaran belum lagi membuat kajian ke seluruh negara tentang kejadian ponteng sekolah ini untuk dapat menunjukkan negeri mana kejadian ini lebih tinggi dan di kalangan kanak-kanak sekolah bangsa apakah kejadian ini yang banyak berlaku.

Walau bagaimanapun, daripada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh beberapa Pejabat Pelajaran Negeri, penyataan seperti di bawah ini boleh dibuat:

- (i) Kejadian ponteng adalah lebih ketara di Sekolah Bantuan Penuh di bandar-bandar daripada kawasan luar bandar.
- (ii) Kejadian ponteng di sekolah-sekolah Rendah, tanpa mengira Bahasa Pengantar, adalah sangat kecil dan ketara.
- (iii) Kejadian ponteng di peringkat Sekolah Menengah adalah lebih besar di pekan-pekan daripada di kawasan luarbandar, tanpa mengira samada Sekolah-sekolah Kebangsaan atau Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.

(c) Di antara beberapa pendekatan untuk mengatasi kejadian ponteng sekolah ini ialah seperti berikut:

- (i) Menguat dan memperbaiki disiplin di Sekolah-sekolah Menengah Bantuan Penuh Kerajaan.

- (ii) Mendapatkan Kerjasama Persatuan Ibu-bapa-Guru (PIBG) di sekolah-sekolah Menengah Penuh untuk menentukan supaya gerakerja-gerakerja di sekolah lebih bermakna dan menarik minat murid-murid terutama sebelum dan selepas peperiksaan-peperiksaan SRP/LCE dan sebelum peperiksaan SPM/MCE, STP/HSC.
- (iii) Menggunakan Perkhidmatan Panduan Pelajaran di sekolah-sekolah supaya murid-murid yang mempunyai masalah diberi pertolongan dan digalakkan untuk menghadiri sekolah secara tetap.

Saya suka menambah bahawa masalah kejadian ponteng sekolah memerlukan kerjasama ibubapa dengan sekolah dalam mengesan gerakgeri anak-anak mereka.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Menurut jawab Timbalan Menteri berkenaan menerangkan tadi iaitu yang ketara banyak kejadian ponteng sekolah berlaku di dalam bandar. Selain daripada kajian yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian sedar separuh daripada ponteng itu berlaku ialah kerana masalah pengangkutan murid-murid itu kadang-kadang tak datang ke tempat mengambil kanak-kanak sekolah dan juga ada ketikanya kerana pembayaran yang dikenakan terlampau tinggi kepada anak-anak miskin atau murid-murid sekolah yang dibawa oleh syarikat pengangkutan itu. Kalau sedar, apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Chan Siang Sun: Saya sedar perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi iaitu pengangkutan boleh menjadi satu masalah menyebabkan murid-murid ponteng sekolah, perkara ini lebih jelas berlaku di Pantai Timur yang mana barangkali seorang murid akan menukar bas dua kali baru sampai ke sekolah. Jadi untuk mengatasi masalah itu Kementerian Pelajaran dan juga dengan rayuan pihak-pihak berkenaan serta ibu-bapa telah membuat rayuan kepada kita, maka pihak Kementerian Pelajaran telah mengarahkan kepada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri supaya dapat menempatkan murid-murid yang tinggal khususnya di luar bandar di hantar ke sekolah menengah yang dekat dengan rumah mereka. Jadi, ini satu langkah yang telah diambil dan kita juga berharap pihak pengurusan dan

syarikat bas itu boleh memberi kerjasama dengan ibu-bapa murid-murid kita supaya boleh memberikan perkhidmatan khasnya masa yang dijadualkan mestilah tepat dan tetap dan tidaklah barangkali setengah jam atau satu jam lewat ke sekolah. Jadi kalau ada hal itu terjadi barangkali murid-murid pun takut sedikit datang ke sekolah oleh kerana barangkali takutkan guru-guru itu ambil tindakan terhadap mereka. Jadi, inilah masalah-masalah yang kita ada memberi pandangan berat dan kita berharap juga seperti yang saya sebutkan dalam ucapan saya tadi ponteng sekolah ini ialah satu masalah bukan sahaja pihak sekolah atau pihak Kementerian Pelajaran boleh memandang berat tetapi meliputi ke seluruh masyarakat kita dan kita berharap kita bersama-sama boleh memandangkan masalah ponteng sekolah ini sebagai satu masalah barangkali masa sekarang sedikit-sedikit tetapi tidak mahu disebarikan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bila hendak habis jawapan Yang Berhormat ini. (*Ketawa*)

Tuan Chan Siang Sun: Ini adalah satu soalan yang susah.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran menyatakan pihak Kementerian Pelajaran belum lagi membuat penyiasatan seluruhnya mengenai dengan murid-murid yang ponteng sekolah ini. Jadi pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, bilakah pihak Kementerian hendak membuat penyiasatan seluruhnya kerana saya memandangkan perkara ponteng sekolah terhadap murid-murid sekolah kita di seluruh Malaysia hari ini ialah satu perkara yang patut diambil perhatian yang berat oleh pihak Kementerian Pelajaran.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sudah dijawab tadi iaitu penyiasatannya belum selesai. Bila selesai nanti bolehlah diberitahu ke Dewan ini.

Dr Tan Chee Khoon: Tadi Timbalan Menteri menyatakan kejadian ponteng sekolah terdiri daripada sekolah-sekolah di bandar. Adakah beliau sedar mengikut apa yang dilaporkan dalam suratkhbar di dalam Negeri Kelantan ada 9,000 lebih kanak-kanak ponteng sekolah. Itu bukan sedikit.

Pada pendapat saya itu banyak. Ramai murid-murid telah gagal dalam persekolahan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya?

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh panjang-panjang sangat. Mengikut Fasal 23 dalam Standing Order perkataan-perkataan yang tidak perlu untuk menerangkan soalan itu tidak mustahak dan dilarang menggunakannya dalam waktu yang singkat satu jam ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah Kementerian Pelajaran siasat kejadian ponteng sekolah khususnya di Negeri Kelantan dan apa tindakan Kementerianya telah mengambil untuk mengatasi masalah ponteng sekolah di Kelantan?

Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri tersebut bukan baru. Adakah beliau sedar masalah-masalah itu semua telah dikaji dalam Lapuran Keciciran yang telah disiasat dengan teliti dan mendalam, barangkali lima enam tahun dahulu. Mengapakah masalah yang dibangkitkan oleh Timbalan Menteri Pelajaran belum diatasi walhal Lapuran Keciciran telah diumumkan dan barangkali Kerajaan patut mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan dalam lapuran tersebut lama dahulu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Cukuplah itu. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beri jawapan mengenai Kelantan tadi iaitu mengapa sebab-sebabnya tidak payah jawab lagi, yang belum berjawab sahaja. Sila.

Tuan Chan Siang Sun: Mengenai Kelantan, oleh sebab telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi disebabkan keadaannya barangkali teruk sedikit oleh sebab itu Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah mengarahkan supaya satu lapuran yang lengkap mesti disampaikan dalam satu masa

yang tetap. Jadi pada hari ini saya ada bawa dalam Dewan ini yang mengandungi beberapa muka, tujuh muka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak usah pula dibaca, Yang Berhormat.

Tuan Chan Siang Sun: Jadi tidak payah saya membuang masa Dewan yang mulia ini untuk membaca satu persatu. Tetapi walau bagaimanapun, Negeri Kelantan adalah sebuah negeri di Pantai Timur mempunyai masalah pengangkutan, kemiskinan dan sebagainya. Tetapi walau bagaimanapun tindakan telah diambil barangkali Yang Berhormat pun ada terlewat sedikit datang pada hari ini, saya pun ada buat satu pengumuman dalam suratkhbar yang mana keadaan di Kelantan sudah dapat dikawal atau sudah dapat diatasi.

Berkenaan dengan soalan yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu iaitu oleh kerana Lapuran Keciciran ini lima enam tahun dahulu telah dibentangkan, apa sebabnya pada hari ini masih ada kejadian ini. Saya suka menjelaskan di sini iaitu keciciran dengan ponteng sekolah adalah berlainan, tidak sama. Walau bagaimanapun, ponteng sekolah ini barangkali dijadikan kes-kes yang isolated dan juga di tiap-tiap negeri mempunyai keadaan yang berlainan. Jadi selepas Lapuran Keciciran ini dibentangkan barangkali keadaan ada berubah sedikit. Baru-baru ini ada kejadian yang teruk sedikit, jadi kita dari segi mengambil tindakan pihak Kementerian pun telah mengambil tindakan tidak berapa lama dahulu. Jadi saya berbalik kepada apa yang saya sebutkan tadi iaitu ini adalah meliputi kerjasama antara kita semua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ledang. Jangan panjang sangat, ponteng dari Ahli Yang Berhormat pula banyak nanti.

Tuan Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara keciciran dan ponteng sekolah ini merupakan satu perkara yang sangat besar dari segi pelajaran dan boleh menjadi masalah nasional walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada berkata bahawa penyiasatan telah dijalankan, tetapi pada pandangan saya bahawa penyiasatan atau lapuran seperti itu tidak

akan dapat bukti-bukti keseluruhannya. Boleh jadi laporan itu datang daripada pihak guru-guru atau daripada Pejabat Pelajaran sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Embong bin Yahya: Jadi soalan tambahannya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengadakan satu Jawatankuasa Bebas yang menjalankan penyiasatan seluruhnya yang mengandungi ibu-bapa, guru-guru dan cerdik pandai kita seperti juga Jawatankuasa Kecziran dahulu supaya dapat mengkaji dari segi gurunya, dari segi pelajaran di sekolah, dari segi muridnya, dari segi ibu-bapanya, dari segi kenderaannya dan dari berbagai-bagai segi kerana perkara ini berlaku di seluruh negara, bukan hanya masaalah di Kelantan sahaja.

Tuan Chan Siang Sun: Perkara ini telah pun saya jelaskan tadi iaitu kita tahu masaalah ponteng sekolah sekarang belum jadi satu masaalah yang besar, tetapi jika tidak dikawal, tidak diambil perhatian yang berat barangkali boleh jadi satu masaalah yang besar dan akibatnya merugikan negara kita. Jadi sebelum kita atau Kementerian Pelajaran menerima laporan-laporan daripada Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri atau Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri masing-masing kita sukar sedikit hendak membuat satu keputusan berkenaan hal ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran mengambil perhatian berat atas perkara ini dan selepas menerima laporan-laporan daripada seluruh Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri, kita akan buat satu keputusan yang mana kita ambil satu langkah untuk mengatasi perkara ini.

AHLI JUMAAH RISDA

10. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) bilangan ahli-ahli RISDA yang dilantik oleh beliau untuk mewakili pekebun-pekebun kecil;
- (b) jumlah bilangan mesyuarat-mesyuarat RISDA yang telah diadakan sehingga akhir Ogos, 1976,
- (c) samada wakil pekebun kecil ini telah menghadiri setiap mesyuarat RISDA;

jika tidak, nyatakan berapa kalikah mereka tidak hadir; dan

- (d) samada wakil pekebun kecil ini dipilih daripada mereka yang telah dicalunkan oleh Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khce Seong): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Menurut Akta RISDA 1972 di Seksyen 4 (1) (h) yang mana telah dipinda oleh Dewan ini di sidangnya pada bulan April 1976 bilangan ahli-ahli Jumaah RISDA yang telah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama untuk mewakili pekebun-pekebun kecil ialah seramai 7 orang iaitu 5 daripada Semenanjung Malaysia dan seorang daripada Sabah dan seorang daripada Sarawak. Setakat ini 4 orang telah dilantik iaitu 2 orang mewakili pekebun-pekebun kecil secara profesional dan 2 orang mewakili pekebun-pekebun kecil tulin. Keempat-empat mereka ini adalah daripada Semenanjung Malaysia. Seorang lagi daripada Semenanjung Malaysia dan 2 lagi daripada Sabah dan Sarawak akan dilantik dalam sedikit masa lagi.
- (b) Sehingga bulan Ogos 1976 sebanyak 15 mesyuarat Jumaah RISDA telah diadakan.
- (c) Adalah didapati bahawa 3 orang wakil pekebun kecil yang telah dilantik itu telah tidak dapat menghadiri 4 kali mesyuarat daripada jumlah 15 kali mesyuarat yang telah diadakan itu. Walau bagaimanapun di dalam kesemua 15 kali mesyuarat yang diadakan itu sekurang-kurangnya 2 orang wakil pekebun kecil telah menghadirinya, manakala di dalam 8 mesyuarat-mesyuarat tersebut kesemua wakil-wakil pekebun kecil yang telah dilantik itu telah menghadirinya.
- (d) Wakil-wakil pekebun kecil telah dipilih sebelum Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia ditubuhkan. Seorang daripadanya mewakili Majlis Persekutuan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (CMSA) dan seorang lagi ialah daripada Persekutuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil

Malaysia (NASH). Persatuan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah Persatuan yang baru, iaitu Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia dan ianya belum mempunyai Jawatankuasanya yang tetap. Walau bagaimanapun kedua-dua Ahli Jumaah RISDA yang mewakili pekebun-pekebun kecil yang tulin ini adalah Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia yang proses penubuhannya masih diselenggarakan oleh Jawatankuasa Kerja Sementara itu.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa lantikan untuk menjadi ahli Jumaah RISDA itu adalah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri, kerana Persatuan pekebun-pekebun Kecil belum lagi ditubuhkan pada masa itu. Jadi bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Kementerian yang berkenaan melantik wakil daripada pekebun-pekebun kecil sendiri yang ditunjukkan oleh mereka?

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum lagi tertubuh dengan rasminya dan belum ada satu jawatankuasa tetap. Jadi oleh sebab itu, terpaksa lagi kita melantik dua wakil daripada kedua-dua persatuan yang masih ada sekarang. Dan kedua-dua orang ini merupakan ahli jawatankuasa sementara Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun kecil yang sedang dilancarkan sekarang. Oleh sebab itu, soalan ini tidaklah timbul.

PERUMAHAN DI SARAWAK

11. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang menyertai usaha-usaha kemajuan perumahan di Sarawak, khususnya di Bahagian Ketujuh dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Mohd. Zahari bin Awang): Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat

itu betul-betul meneliti akan Buku Hijau RMK di muka 391 para 1,111 maka soalan itu telah berjawab.

Walaupun bagaimanapun saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya ada menyertai usaha-usaha kemajuan perumahan di Sarawak dengan menyediakan peruntukan sebanyak \$35 juta yang akan dilaburkan kepada Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak untuk membina lebih kurang 3,500 buah yunit rumah. Peruntukan tersebut ialah bagi melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini, termasuk khasnya cadangan membina lebih kurang 400 yunit rumah yang dirancang oleh negeri Sarawak dalam Bahagian Ketujuh iaitu di Kapit.

GURU-GURU BAHASA MALAYSIA DI SABAH/SARAWAK

12. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk melatih guru-guru dari Sabah dan Sarawak dalam Bahasa Malaysia di maktab-maktab di Semenanjung Malaysia, jika ya, berapakah bilangannya setahun, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tidak. Pada masa ini sebenarnya Jabatan Pelajaran Sarawak dan Sabah telah sedia mempunyai rancangan mereka sendiri untuk melatih guru-guru dalam Bahasa Malaysia dan adalah dirasakan bahawa setakat ini mereka masih berkemampuan untuk berbuat sedemikian.

PEMBELIAN KAPALTERBANG PEJUANG NORTHROP F-5

13. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Undang-undang menyatakan memandang kepada masa panjang yang diambil oleh BSN untuk menyelesaikan siasatan-siasatan ke dalam pemberian rasuah (pay-offs) yang bernilai berjuta-juta ringgit dalam pembelian 14 buah kapal-kapal pejuang Northrop F-5 oleh Tentera Udara di Raja Malaysia, samada beliau akan merekomen pembentukan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen untuk menyiasat perkara tersebut kerana terdapat satu keperluan segera untuk mencegah "kick-backs", "pay-offs" ataupun komisyen dalam

pembelian senjata-senjata bernilai berjuta-juta ringgit di masa akan datang oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat itu sanggup menjalankan tugas yang sewajarnya dijalankan oleh seorang Hakim. Beliau telah membuat keputusan bahawa pihak Northrop telah memberi rasuah (pay-offs) bagi menjual 14 buah kapal pejuang Northrop F-5 kepada Tentera Udara di Raja Malaysia. Saya sungguh berharap agar Ahli Yang Berhormat itu akan lebih berhati-hati dalam kenyataannya.

Samada benar berlaku (pay-offs) yang dibuat oleh pihak Northrop belum lagi dapat dipastikan. Oleh itu janganlah sekali-kali mana-mana pihak membuat keputusan melulu bahawa sesungguhnya berlaku rasuah dalam pembelian kapal-kapal pejuang Northrop F-5 itu.

Saya menaruh kepercayaan terhadap BSN oleh kerana pegawai-pegawainya mempunyai kemahiran khusus untuk menyiasat tuduhan tersebut. Apatah lagi melalui Akta 123, 1973 Akta Biro Siasatan Negara, kepercayaan itu adalah terjamin. Sebagaimana yang kita lebih maklum, masaalah "commercial crime" seumpama ini adalah suatu masaalah yang rumit yang penyiasatannya tidak boleh dikendalikan oleh mereka, tanpa pengalaman mendalam dan pengetahuan khusus dalam hal ini. Oleh itu, penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen bagi maksud mengambil alih tugas BSN dalam hal ini tidak akan dapat memberi apa-apa faedah jua pun. Pihak BSN sedang meneruskan penyiasatannya dan saya percaya keputusan dapat dibuat tidak berapa lama lagi untuk memastikan samada tuduhan rasuah itu berasas atau tidak. Penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan Parlimen adalah tidak memberi faedah kerana Jawatankuasa itu akan mengulangi apa jua penyiasatan yang sedang dijalankan oleh pihak BSN pada masa ini.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kelewatan BSN untuk menghabiskan penyiasatan mengenai pembelian kapalterbang pejuang Northrop F-5 ada menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan orang ramai bahawa perkara yang dirujuk kepada BSN ialah antara tindakan untuk menutup perkara ini. Adakah di dalam

undang-undang di negara kita yang tidak membolehkan satu siasatan dibuat oleh Parlimen apabila BSN pun meneruskan siasatan mereka?

Tuan Rais Yatim: Diterangkan sekali lagi iaitu bagi BSN untuk menjalankan tugasnya secara rasmi dan teliti perlu diberi masa. Selain daripada itu juga pihak BSN akan menjalankan penelitian ini dengan melibatkan berbagai-bagai pihak dan juga penjuror penyelidikan. Oleh yang demikian, tidak dapat diputuskan satu-satu bukti kecuali setelah mengambil masa yang panjang melibatkan penelitian di semua peringkat dan mematuhi semua syarat penyelidikan mengikut ethics yang ada dalam practice penyelidikan BSN ini. Kepercayaan oleh negara perlulah terus diberikan kepada BSN dan tidak perlu saya kira diadakan Jawatankuasa Pilihan Parlimen sepertimana yang dicadangkan itu.

DADAH BERBAHAYA

14. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Undang-undang menyatakan, sejak pindaan-pindaan kepada Akta Dadah telah diluluskan bagi membolehkan hukuman yang lebih berat dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah tindakan yang telah diambil dan berapa orang telah dihukum.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1976 seramai 39 orang pengedar dadah telah ditangkap dan dituduh di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya 1952 dalam mana jika mereka ini didapati salah bolehlah dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan disebat tidak kurang dari 6 kali. Setakat ini belum ada hukuman mati atau penjara seumur hidup dikenakan pada kes-kes dadah kerana kes-kes yang dinyatakan itu belum lagi dibicarakan. Kelewatan dalam perbicaraan kes-kes tersebut adalah disebabkan kes-kes yang membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup memerlukan perbicaraan awal di Mahkamah Rendah sebelum kes-kes itu dibicarakan di Mahkamah Tinggi dan ini tentulah memerlukan masa.

Walau bagaimanapun, beberapa kes (di bawah Akta Dadah Berbahaya) akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Alor Setar dan Kangar menjelang bulan Disember tahun ini.

PERSARAAN DATUK K. THANABALASINGAM DAN DATUK SULAIMAN SUJAK

15. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pertahanan menjelaskan pengumuman yang dibuat oleh beliau pada 17-9-1976 berkaitan dengan pesaraan sebelum sampai masa Ketua Turus Tentera Laut Diraja, Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam (berumur 40 tahun) dan Ketua Turus Tentera Udara Diraja, Datuk Sulaiman Sujak (berumur 45 tahun) mulai 1hb Januari, 1977, memandangkan kepada hakikat kedua orang pegawai ini menurut kenyataan tersebut telah berkhidmat dengan begitu baik dan taat setia sejak tahun 1967 dan mereka berdua ini bertanggungjawab untuk kemajuan dan pembangunan pesat kedua-dua pasukan tentera tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, keputusan bersara sebelum sampai masa Laksamana Muda Datuk K. Thanabalasingam dan Marsyal Muda Udara Datuk Sulaiman bin Sujak dibuat bukanlah kerana kurang cekap tetapi adalah kerana keadaan sejarah perkembangan Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia sendiri. Kedua-dua Ketua Turus itu telah dilantik untuk memegang jawatan Ketua Turus Tentera Laut dan Ketua Turus Tentera Udara bagi menggantikan pegawai-pegawai "ekspatriat" di bawah rancangan "Malaysianisation" ketika masing-masing berumur 31 tahun dan 33 tahun. Pada akhir bulan November, tahun ini, mereka akan genap 9 tahun sebagai Ketua Turus di dalam perkhidmatan masing-masing. Perlanjutan perkhidmatan mereka sehingga had umur persaraan pilihan (optional) iaitu 50 tahun atau had umur persaraan wajib iaitu 55 tahun akan melanjutkan perkhidmatan mereka kepada pertengahan tahun-tahun 1980'an atau awal tahun-tahun 1990'an. Demi untuk memberi peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai lain di dalam kedua-dua perkhidmatan itu, kedua-dua Ketua Turus tersebut telah dipersetujui untuk persaraan sebelum sampai masa atau secara "premature".

PEMBELIAN KAPAL "FAST STRIKE CRAFT" SPICA-M

16. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertahanan:

- (a) memberi butir-butir mengenai harga dan buatan berbagai-bagai sistem senjata untuk kapal "Fast Strike Craft" jenis SPICA-M yang ditimbangkan oleh pihak Tentera Laut Diraja Malaysia; dan
- (b) samada benar sistem senjata Philips buatan Swedish yang dipilih oleh Tentera Laut Diraja tidak pernah di "interface" dengan peluru-peluru berpandu Exocet dan mengapa TLDM memilih suatu sistem senjata yang tidak pernah diuji.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Saya tidak begitu faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dengan soalnya. Jika yang dimaksudkan dengan "sistem senjata" ialah "Weapons control system" saya ingin menerangkan bahawa harga sistem ini adalah termasuk dalam harga menyeluruh kontrek bagi kapal buatan SPICA-M yang dibeli, dengan itu tidak dapatlah dinyatakan harganya sebagai satu component.
- (b) Tidak benar.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tidak benar bahawa sistem senjata Philips tidak pernah di "interfaced" dengan Exocet, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu contoh kepada Dewan ini bahawa sekurang-kurangnya ada satu kali di mana sistem ini ada di "interfaced" dengan Exocet. Oleh kerana sekiranya tidak ada di "interfaced" dan yang pertama "interfaced" itu siapa yang akan bertanggungjawab perbelanjaan test fire Exocet itu yang berharga \$4 juta?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memberitahu siapakah yang telah menggunakannya oleh sebab ini adalah perkara rahsia. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat berkehendakannya sendiri bolehlah berhubung dengan pihak-pihak yang membuatnya.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah rahsia itu, adakah itu rahsia kepada negara kita? Sekiranya kita tahu sistem senjata Philips "interfaced" dengan Exocet satu rahsia yang akan mengancam keselamatan negara Malaysia, adakah itu jawapannya?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak salah dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dua hari yang lalu sudah dijawab; "sudah pernah di "interfaced". Itu barangkali jawabannya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya tahu. Saya hendak contoh oleh kerana kita tidak boleh menerima face value sahaja, kalau sudah, mana? Itu bukan satu perkara yang rahsia, semua orang tahu ada "Missile Harpoon", "Gabriel" atau "Penguin".

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya "rahsia" ini ialah oleh sebab ini bukan kita gunakan sendiri tetapi digunakan oleh negara yang lain dan adalah menjadi fahaman bahawa perkara ini tidak boleh dikeluarkan oleh mereka yang lain daripada negara yang berkenaan, dan bukanlah menjadi tabii kepada saya untuk menceritakan ataupun menimbulkan perkara-perkara yang dibuat oleh orang asing dengan niat ataupun dengan cara menimbulkan sebarang kecurigaan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG (LETRIK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Letrik 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kerjaya dan Kemudahan-kemudahan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SABAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 *ptg.*

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Akta Pencen (Sabah) (Pindaan), 1976" dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Pencen, 1963 Sabah terutamanya untuk mengelakkan pembayaran faedah berganda yang adalah bertentangan dengan dasar pencen sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa berikutan dengan pelaksanaan perakuan-perakuan Suruhanjaya Suffian, Sekim Pencen Keluarga Sementara telah diwujudkan, pada mana jika seseorang pegawai yang tertakluk di bawah sistem tanggagaji bersih mati dalam perkhidmatan, tanggungan-tanggunggannya boleh menerima pencen terbitan atau ganjaran terbitan, mengikut apa yang layak. Akan tetapi di mana seseorang tanggungan layak menerima pencen terbitan serta pencen atau elaun di bawah mana-mana undang-undang bertulis (termasuk Ordinan Pencen, 1963 Sabah) atau di bawah mana-mana perkhidmatan awam lain, hanya satu daripada pencen atau elaun tersebut boleh dibayar mengikut mana yang berfaedah. Pindaan-pindaan dalam Fasal 3 dan 4 dalam Rang Undang-undang ini adalah bertujuan membolehkan pembayaran hanya satu daripada faedah-faedah tersebut sahaja.

Pindaan di Fasal 2 adalah bertujuan menyelaraskan peruntukan tersebut dengan peruntukan yang serupa dalam Ordinan-ordinan Pencen bagi Semenanjung Malaysia dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.39 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

bercakap sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Pencen (Sabah) (Pindaan). Saya hendak menyuarakan sedikit berkenaan dengan pencen ini iaitu bukan sahaja Sabah tetapi bagi seluruh Malaysia. Apa yang saya dapat tahu sekarang ramai orang-orang yang telah bersara tetapi payah benar dapat . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, itu tidak kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Bagi semua termasuk Sabah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau Sabah berkenaan dengan Rang Undang-undang ini sahaja boleh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Pembayaran pencen, Tuan Yang di-Pertua, tidak bolehkah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak boleh.

3.40 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong cadangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dan saya berharap bahawa apabila terlaksananya Rang Undang-undang ini di negeri Sabah dengan adanya pindaan ini, Kerajaan hendaklah mengambil segala langkah yang sewajarnya untuk menjamin bahawa kelambatan pembayaran pencen-pencen yang dialami kadang-kadang oleh persara-persara itu dapat diperelok dan diperbetulkan dan ini ialah oleh sebab persara-persara itu ialah orang yang telah berkhidmat sehingga 20-30 tahun dan mustahil dan tidak pula ada sebabnya yang mereka mesti menunggu sampai 6 bulan, 9 bulan sebelum dapat pencennya apabila mereka sudah sampai masa untuk bersara. Jadi dengan adanya langkah ini untuk memperelokkan undang-undang ini, elok juga kita mengadakan langkah-langkah, memperelokkan perlaksanaannya dan apa yang dijalankan di negeri Sabah itu, saya harap akan dapat terus dijalankan di seluruh negara meliputi Malaysia seluruhnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi bercakap

lain hujahnya dan dengan sebab itu beliau tidak boleh bercakap. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.42 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas itu bahawa masih ada kelambatan pembayaran pencen kepada persara-persara oleh kerana sebab-sebab yang tertentu, tetapi Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang tertentu, juga untuk mengatasi masalah ini. Umpamanya, proses-proses menyediakan kertas-kertas pencen ini sudah disatukan di dalam satu bahagian sahaja; dahulunya ada dua tiga bahagian yang terlibat dalam proses ini, tetapi langkah memang sudah diambil supaya Bahagian Pencen di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam sahaja bertanggungjawab atas semua perkara pencen dan bukan diasingkan, misalnya dahulu ada diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga pihak Perbendaharaan. Dengan ini saya harap bahawa kelambatan itu boleh dikurangkan walaupun tidak boleh dihapuskan sama sekali.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama "Akta Pencen (Sarawak) (Pindaan), 1976" dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan meminda Ordinan Pencen Sarawak (Bab 89) untuk mengelakkan pembayaran faedah berganda yang bertentangan dengan dasar pencen sekarang. Untuk tujuan ini pindaan seperti di Fasal 2 dalam Rang Undang-undang ini dibuat supaya balu atau anak-anak kecil seseorang pegawai yang mati semasa menjalankan tugas rasmi boleh dibayar sebagai tambahan kepada ganjaran terbitan, pencen tanggungan atau pencen terbitan, mengikut mana yang layak dan mana yang lebih berfaedah, dan bukan kedua-dua pencen tanggungan dan pencen terbitan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.46 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tetapi saya berharap beliau akan memperhatikan apa yang saya ingin sebutkan.

Tadi kalau tidak salah saya Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas menyatakan pencen selalunya tiba lewat. Apa yang saya hendak sebutkan pada petang ini ialah dahulu sebelum perang persara-persara mendapat pencen yang kecil sahaja. Selepas itu ada beberapa badan, suruhanjaya bagi menyemak tanggagaji ini ditubuhkan, termasuk Suruhanjaya Gaji Suffian. Pada masa ini ada satu Suruhanjaya Diraja iaitu Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali yang meliputi semua tanggagaji termasuk badan-badan berkanun. Oleh yang demikian, saya berharap apabila Suruhanjaya Gaji Ibrahim Ali telah dilaksanakan, Kerajaan janganlah lupa kepada persara-persara di tanahair kita. Kalau gaji pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di Jabatan Kerajaan telah dinaikkan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah bercakap di luar daripada Rang Undang-undang ini.

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak sebut sedikit sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Walaupun sedikit tetapi ianya di luar daripada

Rang Undang-undang ini. Kalau sedikit, tamatkanlah lekas.

Dr Tan Chee Khoon: Kalau gaji pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dinaikkan, saya berharap Kerajaan akan menimbangkan untuk menaikkan pencen kepada persara-persara kelak.

3.48 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Pencen (Sarawak), 1976 bagi pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sarawak belum ada lagi yang bercakap. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Hashim bin Ghazali: Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tadi yang bercakap Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tidak, sahaja saya mewakili mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oh! mewakili. Sila teruskan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong ucapan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas dan bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak mengalu-alukan di atas Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Dengan ini saya percaya selesailah penyusunan pencen bagi kakitangan Kerajaan seluruh negara apabila sahaja sampai ke peringkat Sarawak ini.

Saya percaya sesudah Malaysia Barat disusun berkenaan dengan pencen dan telah kita dengar banyak sungutan daripada mereka yang telah pencen memaklumkan tidak puas

hati mereka di atas pentadbiran Kerajaan. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri apabila sahaja Rang Undang-undang ini dibawa ke peringkat Sabah dan Sarawak diharap mereka daripada Sabah dan Sarawak pun tidak merungut ataupun tidak membuat sungutan seperti mana yang telah dikemukakan oleh sebahagian daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang berpencen daripada Malaysia Barat ini. Di atas alu-aluan ini saya telah dengar berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang berpencen yang mendapat pencen apabila mereka cukup umur dan yang kedua berkenaan dengan pencen tanggungan yakni isteri dan anak-anaknya. Apa yang saya hendak kemukakan di sini ialah apabila seorang pegawai Kerajaan yang belum umur meninggal dunia mengikut peraturan gaji baru yang menerima gaji bersih tanggungannya akan mendapat pencen selama 12½ tahun. Jika sekiranya keadaan ini tidak ditadbirkan dengan sebaik-baiknya saya bimbang tanggungan pegawai-pegawai Kerajaan ini, baikpun di Malaysia Barat khususnya di Sarawak ini, jika sekiranya tidak diselesaikan dengan secepat-cepatnya pembayaran kepada tanggungan pegawai Kerajaan yang telah meninggal dunia ini, kita bimbang tanggungannya akan hidup seperti mana yang mereka sendiri tidak sanggup menerima penghidupan seperti itu oleh kerana pada masa pegawai yang berkenaan masih hidup lagi, masih menjalankan tugas ia menanggung kepada isteri dan anak-anak yang menjadi tanggungannya tadi. Tetapi apabila ia meninggal dunia maka sudahlah hilang orang yang bertanggungjawab kepada keluarga tersebut. Jadi, oleh sebab itu, isteri atau anak-anaknya menjadi gelisah di dalam kehidupannya dan jika sekiranya dapat diselesaikan masalaah pembayaran pencen dengan segera kepada tanggungannya, saya percaya tanggungannya ini tidak susah ataupun tidak menghadapi satu penghidupan yang buruk daripada yang dihadapi oleh mereka lain yang bukan kakitangan Kerajaan. Oleh sebab itu, saya berharap sangat-sangat masalaah pembayaran pencen kepada tanggungannya yang selama 12½ tahun ini hendaklah mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada Kerajaan supaya pembayaran itu dapat dilaksanakan segera.

Saya sedar dalam keadaan sekarang ini apabila pembayaran pencen perlaksanaan baru dilaksanakan di negara kita ini pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kita sebok.

Pertama pembayaran pencen kepada mereka yang bersara. Kedua pembayaran pencen kepada tanggungan apabila sahaja pegawai-pegawai itu meninggal dunia.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut satu perkara, saya percaya hal ini sudah diketahui oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi apa yang saya hendak sebut di sini berkenaan dengan apabila sahaja pegawai-pegawai yang bersara sampai kepada umur yang duduk di rumah-rumah Kerajaan. Mereka ini biasanya apabila duduk di rumah Kerajaan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini sudah keluar daripada isi Rang Undang-undang ini.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya sebutkan berkenaan dengan tanggungan tadi saya percaya Rang Undang-undang Pencen Sarawak (Pindaan) ini mendapat sokongan khasnya daripada pegawai-pegawai Kerajaan daripada Sarawak.

Saya berharap mudah-mudahan keadaan perlaksanaan pencen di negara kita dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

3.55 ptg.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh satu Akta bagi meminda Akta Pencen Sarawak 1976, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri hari ini dan di sini saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja untuk perhatian Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini pada pendapat saya amatlah baik dan sepatutnya Rang Undang-undang ini sudah dikemukakan lama dahulu. Oleh kerana beberapa tahun yang lalu ada sungutan-sungutan daripada pekerja-pekerja yang sudah cukup tempoh pencen, saya diberitahu oleh seorang bekas pekerja polis yang datang dari luar bandar yang kekurangan pendapatan, menunggu hampir dua tahun belum lagi dapat menerima wang pencen. Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat menimbangkan supaya wang pencen ini dapat dibayar kepada mereka dengan segera. Ini juga boleh menghapuskan kebimbangan

mereka kerana kelambatan pembayaran pencen di Sarawak selalu berlaku di masa yang lepas.

Walaupun Rang Undang-undang Pencen ini diluluskan di Dewan yang mulia hari ini tetapi sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak ada kekurangan kakitangan di Jabatan berkenaan ini membolehkan satu sebab kelambatan berlaku dan jika disebabkan kekurangan kakitangan di pejabat berkenaan, di sini saya memohon supaya pegawai-pegawai di Jabatan berkenaan dapat ditambahkan dengan segera dan sekali lagi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat menyiasat dan saya harap kelambatan pembayaran pencen kepada ahli-ahli pencen Sarawak tidak lagi berlaku bila Rang Undang-undang ini sudah diluluskan hari ini.

3.58 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Matang dan juga Batang Lupa bahawa kelambatan pembayaran pencen kepada pesara-pesara ataupun tanggungan-tanggungan pesara akan mengakibatkan perasaan risau kepada mereka. Saya telahpun sebentar tadi menyatakan bahawa pihak-pihak yang berkenaan di dalam Kerajaan telahpun meng-

ambil langkah-langkah supaya menyelaraskan semua aspek proses pencen dan saya harap kelambatan itu boleh dikurangkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Khamis, 28hb Oktober, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.00 petang.